


16 - 30 APRIL, 2022

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Warta 428.61 hektar hutan paya laut sebagai Hutan Simpanan Kekal



KEINDAHAN kawasan hutan paya laut yang dicadang untuk diwartakan.



**ANTARA spesies burung hijrah di kawasan hutan paya laut dekat Teluk Air Tawar yang sempat dirakam lensa Buletin Mutiara.**

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang kini dalam usaha untuk mengekalkan kawasan berhutan melalui pewartaan hutan simpanan kekal, termasuk hutan paya laut di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030).

Bagi tujuan itu, Pengarah Jabatan Perhutanan Pulau Pinang, **MUHAMMAD EZHAR YUSUF** berkata bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mewartakan seluas 428.61 hektar hutan paya laut sebagai kawasan Hutan Simpanan Kekal pada masa akan datang.

Beliau berkata, rancangan pewartaan adalah membabitkan hutan paya laut di kawasan Air Itam Dalam dan Penaga di Daerah Seberang Perai Utara; Sungai Jawi dekat Juru dalam Daerah Seberang Perai Selatan dan Pulau Betong di Daerah Barat Daya.

"RSNPP 2030 yang menggariskan dasar strategik pelaksanaan dan langkah mengekalkan kawasan berhutan turut mengandungi usaha untuk mewartakan hutan simpanan kekal selain isu menangai perubahan iklim dan sebagainya.

"Sebab itu, pada peringkat negeri Pulau Pinang ketika ini semua polisi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mementingkan pewartaan hutan simpanan kekal bagi menjamin keselamatan terutamanya sumber makanan laut," katanya ketika dihubungi Buletin Mutiara baru-baru ini.

Beliau berkata, cadangan tersebut juga telah diluluskan pada peringkat Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Alam Sekitar pada tahun lepas.

"Malah, MMK Alam Sekitar turut mengenal pasti 36 lokasi kawasan hutan paya laut seluas 1,612 hektar di seluruh negeri yang sesuai untuk diwartakan sebagai hutan simpanan kekal.

"(Dan) pada tahun ini pula, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mewartakan seluas 304.1 hektar lagi kawasan paya laut di Sungai Udang dan Sungai Chenaam di Seberang Perai Selatan," ulasnya.

*(Sambungan di muka 5).*

# Muhammad Hawari harap banggakan negara dan negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Muhammad Hawari Hashim, 32, yang bakal menyertai Misi Malaysia Everest 2022 pada Mei ini, mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang Penang (LMNPP), Haryany Mohamad dan Siti Zubaidah Mohd. Lani (jurubahasa isyarat kepada Muhammad Hawari) turut menyertai kunjungan hormat tersebut.

Dalam pertemuan itu, Muhammad Hawari yang juga kakitangan tetap di bawah LMNPP menzahirkan rasa terharu serta bangga kerana Kon Yeow sudi meluangkan masa menerima kunjungan hormat beliau.

Di samping itu, adalah menjadi harapan beliau untuk menjadi orang kurang upaya (OKU) pendengaran pertama negara berjaya menawan puncak gunung Everest, sekali gus mengharumkan nama Malaysia terutama negeri Pulau Pinang tercinta ini.

"Dijangkakan masa pendakian naik ke gunung itu mengambil masa selama 50 hari, sementara 18 hari untuk turun ke kaki gunung tersebut.



**KETUA Menteri dan Yeoh Soon Hin (kanan) sambil memegang bendera Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama Muhammad Hawari Hashim (kiri) pada sesi kunjungan hormat di sini baru-baru ini.**

"Setakat ini, saya dimaklumkan belum ada lagi OKU pendengaran dari negara (Malaysia) ini telah sampai ke puncak gunung Everest.

"Sehubungan itu, saya berharap dapat mencabar diri untuk tawan puncak gunung Everest.

"Saya juga berharap tidak akan menghampakan harapan semua pihak yang terlibat dalam usaha mengharumkan nama negara Malaysia dan negeri Pulau Pinang (di sebalik Misi Malaysia Everest 2022 ini)," jelasnya kepada Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada 22 Mac lalu.

Sebagaimana harapan semua pihak, Kon Yeow berkata pihaknya sendiri berharap Muhammad Hawari bersama-sama sembilan peserta Misi Malaysia Everest 2022 lain dapat menyempurnakan hasrat masing-masing.

"Saya mendoakan (Muhammad) Hawari dan pasukan dari Malaysia selamat menjalani latihan (selama sebulan) dan menyempurnakan pendakian hingga ke puncak gunung Everest.

"Kita tahu ekspedisi ini amat mencabar dan bukan setiap orang boleh melakukannya, dan saudara (Muhammad) Hawari patut bangga kerana merupakan OKU pertama yang akan menyahut cabaran ini.

"Semoga bendera Pulau Pinang dan bendera Malaysia (Jalur Gemilang) dipacak di atas puncak gunung Everest," serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Terdahulu, Muhammad Hawari pada bulan Ogos lepas berjaya sampai ke *Annapurna Base Camp* pada ketinggian 4,130 meter (m) dari aras laut.

Selain Muhammad Hawari, difahamkan, pendaki lain ialah Azim Afif Ishak, 33; Ayu Wanirah Naharuddin, 29; bekas pesilat negara, Rina Jordana Adnan, 42; Ahmad Murshid Maktar, 35; Jack Oh Jin Heng, 37; Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kedah, Leftenan Kolonel (PA) Awang Askandar Ampuan Yaacub, 54, serta tiga wakil dari Komando (VAT 69) iaitu Kanang Anak Usin, 42, Pragash Murusgesu, 32, dan Mohammad Hanif Che Ahmad, 28.

## OKU pendengaran pertama negara hasrat tawan Everest

**SUNGAI DUA –** Penduduk Kampung Permatang Kerai Besar secara beramai-ramai menganjurkan majlis doa selamat dan kenduri bagi mengiringi seorang anak jati desa mereka yang bakal menyertai Misi Malaysia Everest 2022 pada bulan Mei ini.

Muhammad Hawari Hashim, orang kurang upaya (OKU) pendengaran dalam ucapan bertulisnya memberitahu bahawa beliau berharap akan menjadi OKU pertama negara yang berjaya menjejakkan kaki ke puncak Gunung Everest, kelak.



**MUHAMMAD Hawari Hashim.**

"Terima kasih kepada seluruh penduduk kampung dan mereka yang terlibat dalam membantu mengadakan persiapan kami, minta dihalalkan makan minum, hanya kepada Allah kita berserah," katanya ketika ditemui pada majlis berkaitan pada 20 Mac lalu.

Pada masjlis sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal turut menyerahkan cek replika RM10,000 yang disumbangkan secara bersama oleh tiga agensi negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP).

Itu, tidak termasuk RM2,000 sumbangan peribadi Ahmad Zakiyuddin sendiri kepada Muhammad Hawari.

"Kita harap sumbangan ini akan menyuntik semangat Muhammad Hawari untuk mencapai cita-citanya dan kejayaannya memberi inspirasi kepada anak muda tempatan di Pulau Pinang," jelasnya yang juga Yang Dipertua MAINPP dalam acara berkaitan dekat Surau Permatang Kerai Besar di sini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Dua, Mohd. Taufek Abd. Rahman turut berucap pada majlis tersebut.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# SYABAS! Lee Kher dan Muhammad Amin


KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis penyampaian SKIMAS kepada Zy Lee Kher (dua dari kanan) dan Muhammad Amin Azmi (empat dari kanan) di sini baru-baru ini.

**MESKIPUN** nama mereka tidak didendang dan jarang sekali dijulang, namun pencapaian dan kejayaan dua atlet paralimpik kelahiran negeri Pulau Pinang pada Kejohanan Paralimpik Remaja Asia 2021 yang diadakan di Bahrain pada Disember lalu wajar dihebahkan serta dibanggakan.

Dilahirkan serba kekurangan dari segi fizikal, ia tidak mematahkan semangat atlet paralimpik muda itu untuk menjulang nama Malaysia dan juga Pulau Pinang dalam kejohanan berprestij pada peringkat antarabangsa.

Mereka yang dimaksudkan ialah **ZY LEE KHER**, 16, dan **MUHAMMAD AMIN AZMI**, 18, atlet orang kurang upaya (OKU) yang membuktikan bahawa cabaran fizikal yang digalas bukan halangan untuk mempamerkan prestasi terbaik dalam bidang sukan masing-masing.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** berpeluang mendekati kedua-dua atlet yang bukan sahaja berjaya mengharumkan nama Malaysia malah turut menjulang nama dan membuktikan bahawa Pulau Pinang juga mampu menonjolkan atlet OKU yang berwibawa dan cemerlang.

Awal penglibatan Lee Kher dalam acara renang hanya sekadar mahu mempelajari teknik asas apungan dalam air dan juga sebagai langkah berjaga-jaga jika berlakunya kecemasan.

"Pada mulanya, ayah (Walter Lee) menyatakan bahawa saya perlu mempelajari teknik asas tersebut sebagai langkah keselamatan diri jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.

"Lama-kelamaan, prestasi saya semasa latihan agak memberangsangkan sehingga jurulatih bertanyakan sama ada saya berminat untuk bertanding dalam acara yang bakal diadakan," ujarnya membuka bicara.


ZY Lee Kher merakam gambar kenang-kenangan selepas merangkul tiga pingat pada kejohanan di Bahrain.

Lee Kher turut berkongsi tentang keluarganya yang mendidik dirinya untuk berdikari ditambah pula dengan keberadaannya yang jauh dari keluarga tercinta.

"Keluarga saya kini menetap di Bangkok, Thailand manakala saya hanya tinggal di sini (Pulau Pinang) agar lebih mudah menghadiri sesi latihan setiap hari kecuali pada hari Rabu, ditambah pula ayah lebih yakin jika saya tinggal dan belajar berdikari dalam persekitaran di sini.

"Walaupun saya hanya ditemani penjaga, keluarga tetap memberi sokongan serta kasih sayang yang secukupnya sehingga berjaya mendorong saya mencapai kejayaan sampai ke tahap ini," jelasnya kepada Buletin Mutiara ketika dihubungi melalui aplikasi *Zoom* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Lee Kher turut menyatakan bahawa pencapaian dan kejayaan pada setiap acara disertainya mempunyai keunikan yang tersendiri dan amat bersyukur telah sampai hingga ke tahap ini.

"Antara persediaan rapi dilakukan sebelum menyertai acara di Bahrain adalah menjalani latihan di Thailand yang dibimbing oleh jurulatih tersohor selama kira-kira tiga bulan.

"Teknik latihan yang dipraktikkan di Malaysia dan Thailand amat menyeronokkan dan saya berpeluang menambah pengalaman menjalani latihan daripada persepektif yang berlainan serta menambah ilmu pengetahuan," katanya yang bakal menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun hadapan.

Lee Kher yang bergiat aktif sejak usia 11 tahun turut berkongsi bahawa agak sukar pada awalnya untuk membahagi masa bagi sesi pembelajaran akademik dan latihan renang.

"Sesi pembelajaran kini masih dijalankan secara dalam talian pada waktu pagi, manakala menjelang tengah hari saya akan ke sesi latihan selama dua jam di Kompleks Sukan Bukit Mertajam.

"Bagi saya, pembelajaran dan minat perlu seiring serta seimbang bagi mendapatkan hasil yang optimum, walau sesukar manapun sesuatu perkara itu, kita perlu lebih berusaha untuk mencapai matlamat asal kehidupan," ujarnya yang juga mengisi waktu lapang dengan bermain sukan badminton dan bola sepak.

Anak bongsu daripada tiga adik-beradik itu dilahirkan dengan kecacatan separuh lengan kanan, ketiadaan kaki kanan dan kurang jari di bahagian kaki kiri. Seorang yang berdisiplin tinggi, Lee Kher sebenarnya anak kepada seorang chef selebriti terkemuka di Thailand.

Walter Lee yang turut serta dalam sesi temu bual itu memberitahu bahawa beliau memberi kebebasan kepada anaknya Lee Kher atau disapa sebagai Zy, untuk meneroka dunia ini seperti kanak-kanak lain.

"Penglibatan Zy dalam *World Para Swimming World Series 2019* di Singapura dan *Asian Youth Para Games 2021* di Bahrain telah membuktikan kesungguhannya dan ini merupakan pencapaian terbesar dalam hidupnya.

"Saya turut mengikuti Zy ke setiap acara yang disertainya dan amat berbangga dengan pingat yang berjaya dirangkulnya…paling penting beliau berjaya mengharumkan negara dan negeri Pulau Pinang.


WALTER Lee (kiri) sentiasa menemani anak bongsunya di setiap kejohanan yang disertai.

"Zy banyak memberi inspirasi kepada saya dan juga orang lain, oleh itu saya telah menubuhkan sebuah Yayasan Pergerakan Zy pada tahun 2010 dan telah memberikan bantuan kepada lebih 50,000 kanak-kanak kurang upaya di seluruh Asia Tenggara," ulasnya.

Pada kejohanan di Bahrain, Lee Kher berjaya menyumbang satu pingat emas, perak (1) dan gangsa (1) masing-masing menerusi acara renang 200 meter gaya bebas (S1-5) lelaki dengan catatan masa 3:03.91; 50 meter kuak kupu-kupu (S2-7) lelaki (59.09) dan 200 meter rampaian individu (SM5-10) (3:58.69).

*(Sambungan di muka 15).*

# Terokai teknologi angkasa lepas, pacu industri tempatan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




KETUA Menteri menyempurnakan gimik sejurus majlis menandatangani MoU antara syarikat-syarikat berkaitan di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Sembilan syarikat elektrik dan elektronik (E&E) yang bertapak di Pulau Pinang memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama-sama syarikat rangkuman sosioteknologi, Angkasa-X Innovation Sdn. Bhd. dalam usaha memperkukuhkan kerjasama rentas sektor dalam teknologi angkasa lepas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kerjasama antara Angkasa-X dan sembilan syarikat itu akan memacu lebih banyak peluang bagi industri tempatan untuk berkembang.

"Saya percaya bahawa syarikat-syarikat E&E di Pulau Pinang telah bersedia untuk membangunkan sektor baharu berkaitan teknologi angkasa lepas di negeri ini dan menerokai teknologi ini ke tahap yang lebih tinggi.

"(Dan) melalui kerjasama ini, syarikat-syarikat E&E berkaitan akan menjadi 'tulang belakang' dalam merealisasikan aspirasi teknologi angkasa lepas serta bekerjasama rapat dengan Angkasa-X untuk membangunkan Hab Teknologi Angkasa Malaysia di negeri ini, *Malaysia SpaceTech Hub @ Penang*.

"Pada masa sama, saya berharap lebih banyak pekerjaan berkualiti tinggi dapat diwujudkan di samping menarik lebih banyak pelaburan asing selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mempelbagaikan pelaburan melangkaui industri E&E tradisional di Pulau Pinang," ujarnya sejurus hadir menyaksikan majlis pemeteraian MoU berkaitan di sini 21 Februari lalu.

Turut serta, wakil-wakil daripada syarikat E&E berkaitan; Agensi Angkasa Malaysia (MySA); *Malaysia Digital Economy Corp. (MDEC)*; Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Dalam pada itu, Pengerusi Angkasa-X, Dr. Sean Seah memaklumkan bahawa pihaknya bersama-sama sembilan syarikat berkaitan merupakan pengasas untuk pembangunan Hab Teknologi Angkasa Malaysia.

"Hab ini bertujuan menghimpunkan pemain industri pembuatan yang sealiran dan lain-lain sektor untuk bekerjasama dalam perkongsian kepakaran demi meningkatkan keupayaan industri.

"Setiap syarikat terlibat mempunyai kepakaran masing-masing dan akan bekerjasama dalam membuat penyelidikan dan analisis data serta inovasi pemprosesan data yang mampu mendorong pembangunan teknologi angkasa lepas.

"Malah, pembentukan ini (melalui pemeteraian MoU) akan menjadi permulaan kepada sektor pembuatan satelit dan sektor dipacu data *(data driven)* untuk berganding bahu ke arah Dasar Angkasa Negara 2030," katanya.

Syarikat-syarikat yang dimaksudkan adalah Swift Bridge Technologies Sdn. Bhd.; Cortex Robotics Sdn. Bhd.; *HP Malaysia Manufacturing*; MechModule Technology Sdn. Bhd.; Lingtec Instruments Sdn. Bhd.; Texcham (M) Sdn. Bhd.; AzPower Sdn. Bhd.; LBSB Sdn. Bhd. dan *GSH Precision Technology*.

## Usaha sama Applied Engineering, QES pilih Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (empat dari kiri) meninjau sebahagian operasi AETM sejurus menyempurnakan acara perasmian kilang tersebut di sini baru-baru ini.

**BUKIT TAMBUN** - Applied Engineering Technology Malaysia (AETM) membuka kilang di Taman Perindustrian Batu Kawan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman menyatakan bahawa pihaknya gembira kerana Applied Engineering (AE) yang berpangkalan di Amerika Syarikat saling bekerjasama dengan syarikat tempatan QES Manufacturing Sdn. Bhd. (QES) telah memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan bersama mereka.

Sehubungan itu, beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti berharap pelaburan bersama kedua-dua firma itu akan melimpahkan manfaat ekonomi termasuk dalam bentuk peluang kerjaya baharu kepada komuniti lokal.

"Saya begitu gembira kerana AE dan QES telah memilih Pulau Pinang untuk menubuhkan kilang pembuatan dalam usaha sama mereka ini.

"Bagi AE, usaha sama itu merupakan operasi firma luar pesisir pertama di luar Amerika Syarikat.

"Sementara itu, bagi QES pula kehadiran (pelabur) baharu ke Pulau Pinang umumnya mempelbagaikan lagi industri pembuatan negara," jelasnya semasa menyempurnakan acara perasmian kilang tersebut di sini pada 9 Mac 2022.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Zakiyuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tinggal memberitahu bahawa beliau percaya Pulau Pinang akan terus menarik minat pelabur memandangkan negeri ini mempunyai bakat berkemahiran tinggi serta sistem rantaian bekalan yang mencukupi.

"Dengan kelompok pemain industri yang begitu dinamik di Pulau Pinang selain bakat atau tenaga kerja berkemahiran, membolehkan syarikat dari luar negara serta firma tempatan menjejakkan kaki serta menikmati faedah menyeluruh.

"Selain itu, dengan kehadiran syarikat multinasional dan syarikat gergasi tempatan serta industri tambahan berdekatan antara satu sama lain, sekali gus memastikan daya tahan rantaian bekalan dan kelebihan operasi industri (diperluaskan).

"Yang penting, kumpulan bakat dilengkapi dengan kepakaran kejuruteraan yang kukuh membolehkan syarikat di sini melaksanakan aktiviti nilai tambah tinggi serta meningkatkan penyertaan dalam rantaian nilai global," ujarnya yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Sebelum pada itu, Presiden AE, Jack Yao menyatakan bahawa pembinaan fasiliti pembuatan seluas 20,000 kaki persegi itu bakal menyediakan perkhidmatan pembuatan kontrak elektromekanikal berteknologi tinggi, daripada prototaip kepada pengeluaran berisi padu tinggi.

"Kami (AE) amat menghargai perkongsian dengan QES (yang mana) kami akan berusaha dengan cara yang terbaik untuk memastikan kejayaan usaha sama ini.

"Lagipun, Batu Kawan adalah destinasi (pelaburan bagi sektor perindustrian) yang baik untuk syarikat pembuatan, dan kami gembira dapat mengukuhkan tanda di kawasan ini," ulasnya.

Di samping itu, beliau turut menzahirkan keyakinan bahawa pelaburan bersama ini akan memberi kelebihan kepada mereka untuk memenuhi permintaan pasaran di rantau Asia.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030, kekalkan kawasan berhutan

Mengulas mengenai cadangan pewartaan hutan paya laut dekat Teluk Air Tawar, Muhammad Ezhar berkata bahawa perkara tersebut masih lagi pada peringkat ulasan teknikal membabitkan pelbagai jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

"Cadangan pewartaan (Hutan Paya Laut Teluk Air Tawar) masih lagi dalam tindakan kita dan belum diangkat ke dalam mesyuarat MMK untuk diluluskan.

"Hal ini kerana peta bagi kawasan yang hendak diwartakan itu masih lagi berada pada peringkat ulasan teknikal oleh agensi-agensi lain selain Jabatan Perhutanan Pulau Pinang kerana proses ini perlu melibatkan semua jabatan.

"Proses pewartaan perlu dilakukan secara berhati-hati supaya peta yang dikeluarkan oleh jururunding nanti tidak terambil tanah hak milik persendirian atau berlaku pertindihan dengan projek pembangunan jabatan lain.

"Ini bermakna, kita sedang berada pada peringkat akhir kerana hanya tinggal satu langkah sahaja lagi sebelum proses dapat dimuktamadkan," ujarnya.

Beliau berkata, pewartaan hutan paya laut dekat Teluk Air Tawar adalah penting kerana ia merupakan salah satu daripada habitat yang mempunyai keupayaan menyimpan karbon dua kali ganda berbanding hutan darat lain.

"Keluasan kawasan hutan paya laut dekat Teluk Air Tawar sahaja merangkumi 374 hektar daripada 428.61 hektar keluasan kawasan yang dicadang untuk diwartakan merangkumi kawasan Tasek Gelugor sehingga ke Kuala Bekah di Penaga.

"Hutan paya laut atau paya bakau sememangnya perlu dijaga kerana hutan ini merupakan nurseri untuk hidupan marin yang terbesar di negeri ini," ujarnya.

Bukan itu sahaja kata beliau, berdasarkan kajian oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendapati bahawa hutan paya laut dekat Teluk Air Tawar juga merupakan kawasan penting untuk persinggahan burung hijrah.

"Oleh itu, sekiranya kawasan ini tidak diwartakan sebagai hutan simpanan kekal, kita akan kehilangan *'jackpot'* atau cepumas kerana ia merupakan kawasan kompleks paya laut terluas yang ada di Pulau Pinang.



AKTIVITI nelayan kawasan.



PHEE BOON POOH.



MUHAMMAD Ezhar Yusuf.

Difahamkan bahawa lebih 100 spesies burung yang berhijrah dan juga burung tempatan akan berkumpul di kawasan tersebut untuk mencari makanan.

Namun begitu, Muhammad Ezhar optimis bahawa proses pewartaan dapat disempurnakan pada tahun ini sekiranya kerja-kerja menentukan kawasan berjalan dengan lancar.

"Kalau boleh, kita (Jabatan Perhutanan) hendak selesaikan proses pewartaan pada tahun ini juga tetapi kita masih perlu berhati-hati dan tidak boleh tergesa-gesa kerana takut berlaku pertindihan dengan jabatan-jabatan lain yang mempunyai rancangan mereka sendiri di kawasan ini," tegasnya.

Sementara itu, Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, **PHEE BOON POH** berkata bahawa Jabatan Perhutanan di bawah portfolio beliau telah memulakan kajian mengenai hutan paya laut serta paya bakau yang ada di negeri ini.

Beliau menyatakan bahawa hutan paya laut atau paya bakau akan dilindungi dengan lebih baik apabila ia diwartakan sebagai hutan simpanan kekal kelak.

"Ia kini di peringkat akhir iaitu penyerahan kepada Exco Kerajaan Negeri untuk kelulusan pewartaan kawasan tersebut sebagai hutan simpanan kekal.

"Kawasan ini sesuai diwartakan sebagai hutan simpanan kekal kerana tidak banyak pencemaran di sepanjang pantai selain menjadi tempat persinggahan burung hijrah dan bangau.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah mengusahakannya sejak tiga tahun lalu, dan kini berada di peringkat akhir selepas beberapa kali mesyuarat dan perbincangan telah diadakan sebelum ini," jelasnya.

Booh Poh memberitahu bahawa perbincangan yang dijalankan bersama-sama pelbagai jabatan agensi kerajaan sebelum ini adalah bagi membincangkan langkah atau cara untuk melindungi tanah lembap yang kaya dengan biodiversiti.

"Hutan bakau juga bertindak melindungi kawasan sekitarnya semasa kejadian tsunami (2004)," tambahnya.



SEBAHAGIAN tanaman yang diusahakan.

# Kebun Komuniti MPKK Sungai Emas

ANGGUR hijau antara buah-buahan yang ditanam.

**SIAPA** sangka pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang banyak memberi kesan ekonomi kepada rakyat terbanyak telah membuka lembaran baru bagi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Emas, Batu Ferringhi.

Ekoran terlalu banyak masa terluang sejak pelaksanaan PKP pada 16 Mac 2020, Pengerusinya, **CHENG TEK SAN** mengambil keputusan mengusahakan sebidang tanah terbiar seluas hampir satu ekar bagi membangunkan sebuah kebun komuniti.

Atas usaha tersebut, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** sempat menemuramah Tek San dan Ahli Jawatankuasa MPKK Sungai Emas, **TAN YONG BEE** mengenai kebun komuniti yang diusahakan tersebut.

Menurut Yong Bee, kebun komuniti berhampiran pejabat MPKK Sungai Emas mula diusahakan sejak 2017 apabila mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu menyumbangkan 100 anak benih lemon.

"Dahulu, kawasan ini dipenuhi semak-samun dan binatang berbisa seperti ular dan lain-lain haiwan, tetapi selepas mendapat kebenaran daripada kerajaan, kami usahakan tanah ini untuk membangunkan sebuah kebun komuniti.

"Namun pada masa itu, kami tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kerana masing-masing sibuk dengan rutin harian, namun dalam tempoh dua tahun ini, lebih banyak tumpuan diberikan kepada aktiviti pertanian.

"Lagipun sekarang kebanyakan daripada kami sudah bersara, justeru lebih mudah untuk tumpukan kepada kebun ini," ujarnya sambil menyatakan bahawa pembangunan kebun komuniti tersebut dimulakan dengan menanam buah lemon.

Lebih menarik adalah kebun komuniti itu turut menggunakan baja organik yang dihasilkan sendiri di lokasi sama menggunakan tumbuhan mati serta sisa makanan.

"Kawalan serangga di sini juga menggunakan bahan-bahan organik terdiri daripada air rendaman kulit buah-buahan dan gula batu," maklum Yong Bee.

Antara tanaman buah-buahan yang turut diusahakan adalah anggur, durian belanda, mangga, betik, limau, nangka dan pelbagai lagi.

Tanaman sayur-sayuran seperti serai, ulam-ulaman, cili padi, timun, sawi, bendi serta lain-lain jenis tanaman unik yang mungkin belum pernah didengari sebelum ini.

Berbicara lebih lanjut, Tek San menyatakan bahawa antara keunikan lain sayur-sayuran di kebun komuniti yang dibangunkan mereka adalah semua tanaman disiram menggunakan air bukit yang diperoleh melalui penyambungan paip hingga ke anak sungai berhampiran.

"Beza air bukit dengan air biasa seperti yang diperkatakan ramai adalah sayur yang disiram menggunakan air bukit adalah lebih rapuh, rangup dan sedap.

"Cuma cabarannya adalah kadang-kadang kita perlu naik sampai ke atas (bukit) untuk mencuci pasir yang tersekat di bahagian atas sebelum bergerak ke bawah… maklumlah kami bukan profesional dalam bidang ini," ujarnya yang juga merupakan seorang pesara.

Tambahnya, beliau dan Yong Bee serta seorang lagi rakan akan menghabiskan masa kira-kira dua jam setiap hari untuk menjaga kebun berkenaan.

"Kebanyakan masa kami dihabiskan untuk melakukan kerja-kerja menyiram, membersih dan memangkas daun serta dahan mati.

*(Sambungan di muka 7).*



CHENG Tek San (tengah), Tan Yong Bee (kanan sekali) dan seorang rakan yang bersama-sama mengusahakan kebun komuniti MPKK Sungai Emas.



KEBUN Komuniti Sungai Emas yang diusahakan dengan penuh kasih sayang demi komuniti setempat.

*(Sambungan dari muka 6).*

# Hasil tangan tiga sekawan dinikmati semua



**SEBAHAGIAN tanaman yang diusahakan.**



**CHENG Tek San memeriksa pokok naga yang ditanam.**

"Apa yang menyeronokkan adalah apabila kebun ini mula membuahkan hasil dan diagihkan kepada komuniti setempat…mereka seronok, kami pun puas dengan kerja-kerja yang kami lakukan setiap hari.

"Malah, baru-baru ini kami turut menyertai beberapa pertandingan kebun komuniti pada peringkat kebangsaan," kata Tek San.

Difahamkan, selain kebun komuniti, MPKK Sungai Mas turut menjalankan program seakan-akan *foodbank* untuk mendermakan hasil kebun tersebut kepada golongan yang memerlukan.

Ditanya mengenai harapan, Tek San dan Yong Bee berharap agar pihak berwajib seperti Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dapat membantu mereka daripada segi sumber asas.

"Kebun komuniti bersaiz kecil tidak memerlukan bajet yang tinggi, tetapi sekiranya Jabatan Pertanian dapat menyalurkan bantuan seperti tanah hitam, baja dan sebagainya, ia amatlah membantu.

"Selain itu, kami perlukan juga mesin kompos untuk memproses daun-daun dan sisa pokok untuk dijadikan baja kompos.

"Dalam memudahkan proses penyiraman, kami turut bercadang menyiapkan sistem perpaipan yang mana ia (proses penyiraman) dapat dilakukan secara automatik supaya menjimatkan masa," ulasnya.




HIJAUAN HILLS

HAKMILIK KEKAL
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

**Hijauan Hills, Simpang Ampat**
*Rumah Teres Dua Tingkat*

| | | |
|---|---|---|
| Jenis A | Keluasan Binaan : 22'x35' | Keluasan Tanah : 22'x75' |
| Jenis B | Keluasan Binaan : 22'x32.5' | Keluasan Tanah : 22'x75' |
| Jenis C | Keluasan Binaan : 22'x38' | Keluasan Tanah : 22'x75' |
| Jenis D | Keluasan Binaan : 22'x40.5' | Keluasan Tanah : 22'x75' |

Pemaju
ASAS DUNIA BERHAD (198201014764)(94528T)
Pemaju Perumahan

**Hijauan Hills Galeri Jualan**
No.2 Jalan Hijauan Hills 3, Hijauan Hills
14120 Simpang Ampat, Pulau Pinang
Tel : 04-5633999 Fax : 04-5631999

**Ibu Pejabat Pulau Pinang**
Wisma Asas, 228 Lebuh Chulia
10200 Pulau Pinang
Tel : 04-2559999 Fax : 04-2559888

**Website :** www.asasdunia.com / www.hijauanhills.com
**Email :** enquiries@asasdunia.com

No Lesen Pemaju Perumahan : 2687-61/07-2023/0579(L) • Tempoh sah : 22.7.2021-21.7.2023 • No Permit Iklan & Jualan : 2687-60/06-2022/0318(P) • Tempoh sah : 3.6.2020-2.6.2022 • Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan : Majlis Bandaraya Seberang Perai • No. Pelan Bangunan : MPSP/40/20-75/70 • Tarikh Dijangka Siap : Disember 2022 • Harga: RM615,0000(min) - RM931,250(max), 71 unit • Tiada Gadaian Tanah

(Iklan Ini Telah Diluluskan Oleh Jabatan Perumahan Negara)



# Pusat Transit pastikan tiada

MENGIKUT perancangan awal, projek pembinaan Pusat Transit Gelandangan sepatutnya siap pada Ogos 2021 dan sedia didiami pada Januari 2022. Namun, dek kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), projek berkaitan menerima arahan tempoh lanjutan masa.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar **CHAN KOK KUAN** dan **LAW SUUN TING** menghubungi Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, **PHEE BOON POH** dan mendapatkan maklum balas berhubung projek tersebut.

## Capai kemajuan 72 peratus

Menurut Boon Poh, projek yang sedang dalam pembinaan itu adalah projek Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Kerja-kerja pembinaan yang tergendala sebelum ini kini sedang berjalan dan sudah mencapai kadar kemajuan 72 peratus siap.

"Walaupun sepatutnya projek ini mencapai (kadar kemajuan) 79 peratus dan sedikit lewat… saya yakin bahawa ia dapat disiapkan dalam tahun ini serta dapat bersedia untuk menerima penghuni di pusat ini," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Komtar pada 7 Mac 2022.

Ditanya mengenai punca kelewatan, Boon Poh berkata bahawa perubahan harga pada bahan binaan turut menjadi penyumbang projek tersebut tergendala dan berjalan agak lambat selepas pelaksanaan PKP 2.0 lalu.

"Selepas sektor-sektor penting dibuka semula, harga bahan mentah naik dengan mendadak antara 35 hingga 50 peratus.

"Jika sebelum ini kos asal adalah sebanyak RM4.4 juta dan naik kepada RM4.9 juta, kini perlu mengambil kira margin kenaikan (kos binaan) sehingga 30 peratus.

"(Dan) perkara ini kini masih dalam perbincangan bersama-sama pihak pemaju dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)," ujarnya yang mahu pihak berkaitan mengenal pasti dan menilai impak kenaikan harga bahan binaan terhadap kos akhir pembinaan Pusat Transit Gelandangan itu.

Terletak di atas tapak milik MBPP di No.19 Jalan C.Y.Choy, pusat berkeluasan 1,370 meter persegi tersebut adalah sebahagian inisiatif Kerajaan Negeri dalam memperkasakan golongan bergelandangan yang menjadi isu runcing di sekitar George Town.

## Pusat transit lengkap dan moden

Bercerita tentang projek perintis Pusat Transit Gelandangan berkenaan, Boon Poh memberitahu bahawa pusat yang dianggap sebagai pusat sehenti untuk golongan gelandangan adalah dilengkapi dengan landskap dan taman poket yang menghijau.

"Di pusat ini juga, terdapat ruangan kitar semula; dobi; kafe; kemudahan tandas; bilik mandi, ruangan istirahat dan memuatkan 78 katil yang mana jumlah tersebut akan ditambah sekiranya terdapat keperluan.



PHEE Boon Poh.



ILUSTRASI artis menunjukkan reka bentuk Pusat Transit Gelandangan yang terletak di Jalan C.Y.Choy.

"Selain itu, kita juga akan asingkan tempat tidur yang mana satu ruangan untuk wanita sahaja, orang kurang upaya (OKU) dan lelaki.

"Kapasiti bagi pusat ini adalah sehingga 150 orang pada satu-satu masa," katanya.

Bukan itu sahaja, Buletin Mutiara turut difahamkan bahawa pusat berkaitan juga bakal menawarkan perkhidmatan seperti pemeriksaan kesihatan, kaunseling dan padanan kerja.

"Mereka yang direkodkan yang mana kini terdapat 72 orang, akan diberi penginapan selama 14 hari di sini dan dalam tempoh tersebut mereka dibantu untuk menyelesaikan masalah mereka.

"Walaupun pusat ini dinamakan Pusat Transit Gelandangan, mereka perlu mendaftarkan diri terlebih dahulu sebelum diberi kebenaran menggunakan semua kemudahan yang tersedia," ulasnya yang mengakui bahawa isu melibatkan gelandangan adalah amat mencabar kerana banyak kekangan, namun ia boleh diatasi.

Difahamkan, kini pihaknya bersama-sama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan NGO berkaitan dalam usaha mengumpul data golongan bergelandangan bagi tujuan pentadbiran serta pengurusan.

## Kemudahan PAWE

Bercerita lanjut, Boon Poh memaklumkan bahawa di Pusat Transit Gelandangan juga akan diwujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

"PAWE ini merupakan tempat berkumpul serta menjalankan aktiviti bagi warga emas tetapi bukan pusat jagaan atau kediaman harian untuk warga emas dan akan digerakkan oleh penyelia yang dilantik.

"Memandangkan populasi warga emas dalam kalangan rakyat Malaysia di Pulau Pinang dijangka mencecah 15 peratus menjelang tahun 2030, maka kita perlu bersedia dari sekarang.

"Buat masa ini, Pulau Pinang mempunyai dua PAWE iaitu di Bayan Baru dan Balik Pulau.

"(Dan) satu lagi dalam pembinaan di Nibong Tebal, dijangka siap menjelang Jun 2023 sekiranya projek tersebut berjalan lancar," jelasnya yang yakin bahawa inisiatif PAWE di Pusat Transit Gelandangan bakal memberi kelebihan kepada warga emas di kawasan sekitar untuk menjalani kehidupan sosial yang lebih sejahtera dan harmoni.

## Operasi terjadual bantu selamatkan gelandangan

Berkongsi dengan Buletin Mutiara, Boon Poh memaklumkan bahawa pihaknya bersama-sama pihak JKM telah mengadakan beberapa siri operasi terjadual.

"Melalui operasi ini, pihak JKM akan memantau, merakam gambar, menyiasat dan membantu mereka yang bergelandangan.

"Laporan daripada operasi berjadual ini menunjukkan bahawa terdapat 72 individu yang tidak mempunyai kediaman dan menjadikan tempat-tempat di sekitar George Town seperti stesen bas Komtar sebagai 'tempat tinggal'.

"(Dan) suka saya tegaskan bahawa operasi terjadual yang dijalankan oleh pihak JKM itu bukanlah bertujuan untuk menangkap gelandangan-gelandangan berkaitan sebaliknya adalah demi menyelamatkan mereka (daripada menjadi pelesir jalanan atau terlibat dalam perbuatan tidak bermoral)," tegasnya.

Tambah Boon Poh, kebanyakan gelandangan yang ditemui mempunyai masalah keluarga; tidak mahu menghabiskan duit dengan menyewa; mempunyai masalah

# Gelandangan yang terpinggir



RAKAMAN gambar proses pembinaan bertarikh 9 Mac 2021.

mental serta terpaksa tinggal di jalanan akibat terkandas dari luar negeri bagi mereka yang datang mencari rezeki di negeri ini.

"Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada menyediakan unit kediaman untuk kelompok ini yang mana satu unit rumah boleh memuatkan enam individu.

"Pada kadar sewa serendah RM40 sebulan, bil-bil utiliti bagi unit khas ini juga ditanggung oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Bukan itu sahaja, JKM dan NGO juga ada menyediakan lain-lain pakej bagi membantu golongan ini dalam usaha memastikan tiada sesiapapun yang dipinggirkan daripada arus pembangunan," katanya sambil mengulangi bahawa inisiatif membangunkan Pusat Transit Gelandangan adalah bagi membantu golongan berkenaan.

## 'Bayangan' inisiatif baharu urus gelandangan

Jika dalam sesi temu ramah sebelum ini Boon Poh memberi 'bayangan' akan wujud inisiatif baharu yang akan membantu golongan terpinggir tersebut menjalani kehidupan yang lebih sihat dan selamat, baru-baru ini beliau berkongsi 'bayangan' tersebut.

"Wujudkan jawatankuasa bagi menentukan kaedah pengurusan, pengoperasian dan penyeliaan Pusat Transit Gelandangan.

"Jawatankuasa ini akan memastikan edaran serta pemberian makanan dan keperluan lain kepada gelandangan ditempatkan di suatu tempat yang ditetapkan kelak.

"Sebelum ini, terdapat individu yang memberi makanan dan minuman sesuka hati kepada gelandangan sehingga pada satu-satu masa seorang gelandangan menerima lima hingga tujuh pek makanan.

"Selain melibatkan soal pembaziran, amalan tersebut juga tidak menjamin keselamatan makanan, malah ada pihak yang cuba jadikan 'kebajikan' kepada gelandangan sebagai perniagaan.

"Oleh itu, jawatankuasa ini akan memastikan satu pusat yang ditauliahkan untuk mengedar makanan kepada gelandangan nanti dan mana-mana pihak yang mahu menyumbang perlu menghubungi jawatankuasa tersebut dahulu," ujarnya.

Boon Poh turut menjelaskan bahawa kini terdapat NGO dan badan berkebajikan yang memberi makanan kepada golongan tersebut secara berjadual dan teratur.

"Contohnya *The Lighthouse Café* di Jalan Penang; Pusat Kawan di Lebuh Chulia; *Temple of Fine Arts (Babington Avenue)* dan *Tzu Chi (Buddhist Tzu Chi Merits Society Malaysia)*.

"(Dan) apabila Pusat Transit Gelandangan ini beroperasi kelak, modul sama akan diguna pakai yang mana akan disokong oleh Mutiara Food Bank," ulasnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen antara yang bakal menganggotai jawatankuasa tersebut di samping NGO-NGO yang dilantik untuk membantu dari segi pengurusan dan pentadbiran.

## Kembalikan maruah 'hobohemia'

Prihatin dengan nasib yang menimpa golongan 'hobohemia' (istilah antropologi bagi gelandangan), Boon Poh memberitahu bahawa pihaknya dan Kerajaan Negeri akan berusaha memastikan layanan baik dan sewajarnya.

"Walaupun hidup bergelandangan, mereka juga manusia, kita perlu melayan mereka secara berhemah.

"Kita perlu kembalikan semula maruah dan membina semula moral mereka," tegasnya yang agak kecewa dengan pandangan masyarakat terhadap golongan tersebut.

Maka, menurut Boon Poh, di Pusat Transit Gelandangan itu nanti, para penghuni akan menyertai pelbagai program dan membantu mereka mempersiapkan diri untuk menguruskan hidup.

Ditanya sama ada tempoh 14 hari memadai, Boon Poh berkata, tempoh masa itu memadai bagi kes-kes yang 'ringan' manakala bagi kes yang memerlukan perhatian lebih, pihaknya akan merujuk dengan NGO atau agensi berkaitan bagi membantu memperkasakan mereka.

"Sebab itu, diadakan *'Empowering the Street Citizens'* yang mana ia merupakan salah satu program hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menangani isu gelandangan ini," ulasnya.



RAKAMAN gambar bertarikh 7 Mac 2022 yang mana kerja-kerja pembinaan kini giat dijalankan.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.26 PADANG KOTA<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| N.03 PINANG TUNGGAL<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| N.16 PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| N.07 SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| N.12 PENANTI<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| N.15 PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| N.29 DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| N.37 BATU MAUNG<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| N.08 BAGAN JERMAL<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| N.22 TANJONG BUNGA<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| N.34 PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| N.28 KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| N.06 TELOK AYER TAWAR<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| N.09 BAGAN DALAM<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| N.11 PERMATANG PASIR<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| N.13 BERAPIT<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| N.14 MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| N.17 BUKIT TENGAH<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| N.18 BUKIT TAMBUN<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| N.19 JAWI<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| N.20 SUNGAI BAKAP<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| N.23 AIR PUTIH<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| N.24 KEBUN BUNGA<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
